

## PROFIL DAN GAYA HIDUP PEROKOK WANITA BERKERJA DI LEMBAH KELANG

HASLINDA ABDULLAH, MA'ROF REDZUAN  
& NOBAYA AHMAD

### ABSTRAK

*Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti latar belakang, pola aktiviti serta faktor-faktor yang mendorong wanita berkerjaya untuk merokok serta faktor yang menghalang mereka daripada berhenti merokok. Kajian yang dilakukan dengan menggunakan kaedah survei ini melibatkan 300 responden di Lembah Klang yang dipilih secara pensampelan bertujuan dan teknik 'snowballing'. Hasil kajian menunjukkan bahawa gaya hidup yang tidak bertunjangan nilai agama serta bersifat hedonistik dilihat sebagai punca utama wanita merokok. Kajian juga menunjukkan perasaan ingin mencuba yang tinggi (56.7%) disertai (44.7%) perasaan inginkan keseronokan menyebabkan mereka merokok. Mereka juga sukar berhenti atas faktor kawan (56%) dan ketagihan (41.3%). Hampir 50% berpandangan bahawa produktiviti dan tumpuan di tempat kerja akan menurun apabila tidak merokok menyebabkan mereka sukar untuk berhenti merokok. Kesimpulannya, wanita yang bekerja memerlukan sokongan sosial yang bersifat holistik bagi memastikan mereka terus kekal produktif dan positif dalam melaksanakan tugas di pejabat di samping mengamalkan gaya hidup sihat tanpa rokok.*

**Kata Kunci:** *Wanita Berkerjaya, Merokok, Gaya Hidup, Hedonistik, Keseronokan*

### ABSTRACT

*The objective of this study was to determine the background, the pattern of activities and factors that causes career women to smoke and factors that obstruct them from quitting smoking. This study involved 300 respondents from Klang Valley, selected using purposive sampling technique and snowballing. The study shows those lifestyles which deviates from religious value and is hedonistic in nature are seen as the main reason of these women smoke. Factors such as eagerness to try 56.7% and to fulfill their gratification 44.7% are found to be the reasons. Friends 56% and addiction 41.3% are found to be the reasons on why these women could not stop smoking. Whereas in relation to career, 50% perceived that they could not stop smoking due to productivity and concentration at work. In conclusion, working women need a holistic social support to ensure they remain productive and positive in performing their office duties as well as practicing healthy lifestyle without smoking.*

**Keywords:** *Career Women, Smoking, Lifestyle, Hedonistic, Fun*

## PENGENALAN

Rokok merupakan antara faktor yang sering dikaitkan dengan isu sosial seperti penagihan dadah dan juga isu kesihatan seperti kanser paru-paru (Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia). Perokok wanita dewasa dianggarkan mencecah kepada angka 10 peratus daripada jumlah perokok di Malaysia (Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2004). Menyedari keperluan untuk memahami isu rokok dan kesannya ke atas wanita, kertas ini mengetengahkan isu berkaitan perokok wanita yang bekerja serta bagaimana budaya cemerlang akan tercemar sekiranya keterlibatan wanita yang bekerja dengan rokok tidak dipantau dengan sewajarnya.

Sama ada kita sedar ataupun tidak, pengamalan budaya cemerlang sesuatu kumpulan akan membawa mereka ke tahap kejayaan serta pencapaian yang lebih tinggi. Dalam konteks ini kejayaan dan pencapaian wanita berkerjaya bergantung kepada budaya kecemerlangan yang diamalkan oleh mereka dan ini termasuklah gaya hidup yang sihat. Latar belakang wanita berkerjaya yang merokok, pola aktiviti mereka serta faktor yang menyebabkan mereka merokok serta faktor penghalang mereka daripada berhenti merokok akan di jelaskan di dalam artikel ini. Ini penting kerana untuk melakukan sebarang intervensi berkaitan isu ini, maklumat-maklumat begini perlu ditelusuri dengan mendalam.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Mutakhir ini pemandangan yang menyaksikan perokok di sana sini sudah menjadi suatu perkara biasa. Langkah kerajaan dalam meningkatkan harga rokok kepada RM10 sekotak seperti tidak menampakkan kesan. Ini kerana perokok tegar masih merokok dan kepada yang kurang berkemampuan mereka beralih kepada rokok-rokok seludup (Berita Harian, 2003). Dalam konteks ini, perokok wanita tidak terkecuali. Jumlah perokok di negara kita secara kasar ialah enam juta orang dengan lapan peratus daripadanya adalah perokok wanita, iaitu seramai 48,000.00 orang (Utusan Malaysia, 2003). Manakala menurut WHO (dalam Sufean, Chin, Mohd Firdaus dan Abdul Rahim, 2004) bilangan perokok di dunia dianggarkan seramai satu bilion dan daripada jumlah tersebut sebanyak 12 peratus adalah perokok wanita. Jadual di bawah menunjukkan di negeri-negeri tertentu seperti di West Virginia, pada sekitar pertengahan tahun 90an perokok wanita melebihi jumlah perokok lelaki.

**Jadual 1: Bilangan Perokok Berdasarkan Jantina**

<b>Estimated Number* of Cigarette Smokers Aged 18 and Older by Gender</b>			
<b>Year</b>	<b>Men</b>	<b>Women</b>	<b>Total</b>
1990	182,892	171,510	354,402
1991	162,044	174,462	336,506
1992	169,592	159,994	329,587
<b>1993</b>	<b>175,617</b>	<b>188,246</b>	<b>363,862</b>
<b>1994</b>	<b>174,401</b>	<b>190,777</b>	<b>365,179</b>
<b>1995</b>	<b>160,222</b>	<b>191,913</b>	<b>352,134</b>
<b>1996</b>	<b>182,602</b>	<b>187,829</b>	<b>370,431</b>
<b>1997</b>	<b>178,548</b>	<b>203,231</b>	<b>381,779</b>
1998	193,572	193,145	386,716
1999	197,204	178,543	375,747

*Sumber: West Virginia Behavioral Risk Factor Surveillance System, 1990-1999*

Iklan dan media massa sering digunakan untuk menarik perhatian perokok-perokok termasuk perokok wanita sama ada secara sedar ataupun tidak. Sebagai contoh terdapat iklan rokok yang menyasarkan kepada golongan wanita hamil dengan menggambarkan bahawa merokok akan memudahkan proses bersalin telah disebarikan secara meluas di Bangladesh (Barton, AFP, 2010). Laporan terbaru Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di bawah segmen Wanita dan Kesihatan menyatakan bahawa pemasaran dan pengiklanan rokok yang menjurus ke arah wanita telah meningkat. Selaras dengan kenyataan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia merangka rancangan terperinci untuk mengawal kegiatan pengiklanan rokok menerusi media massa di negara ini (Berita Harian, 2000). Bagi masyarakat Malaysia, iklan-iklan yang mengaitkan rokok dengan suasana hidup yang berprestij, bergaya dan bebas sering dipaparkan oleh media utama.

Walaupun, masalah merokok dalam kalangan wanita negara ini adalah tidak ketara jika dibandingkan dengan peratusan wanita yang merokok di negara-negara maju namun, menurut Zainal Ariffin, (2007) jumlah wanita yang merokok di negara ini amat membimbangkan iaitu 174,000 orang dengan 68,000 berumur antara 35 hingga 44 tahun, 45,000 (25 hingga 34 tahun), 24,000 (45 hingga 54 tahun) dan 37,000 (55 hingga 64 tahun). Keadaan ini seolah-olah barah di dalam masyarakat kita yang mana tanpa disedari mampu untuk mengorbankan sebahagian besar modal insan yang menjadi aset penting negara. Ianya amat merugikan negara sekiranya aset ini merosot hanya kerana sebatang rokok. Dianggarkan, rakyat Malaysia menghisap sebanyak 23.7 bilion batang rokok setahun dan keadaan ini telah menyebabkan kematian kira-kira

10,000 setahun dengan kadar satu kematian setiap satu jam (Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2004). Dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10), kerajaan menyasarkan untuk mencapai kadar penyertaan tenaga buruh wanita sebanyak 55% pada tahun 2015; ataupun peningkatan sebanyak 9% dalam masa 5 tahun (Rancangan Malaysia ke-10). Walau bagaimanapun hasrat kerajaan ini akan menjadi sia-sia sekiranya sejumlah besar daripada mereka terlibat dalam gaya hidup yang tidak sihat.

## WANITA DAN ROKOK

Di seluruh dunia, lebih kurang 600,000 kematian setiap tahun disebabkan pendedahan kepada asap perokok sekunder dan 64 peratus daripada jumlah mangsa itu adalah wanita (Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2004). Menurut Pengarah Institut Perubatan Respiratori Hospital Kuala Lumpur (HKL), Datin Dr. Aziah Ahmad Mahayiddin pendedahan kepada rokok mendatangkan lebih banyak kesan buruk terhadap wanita berbanding lelaki (Utusan Malaysia, 2010).

Kemungkinan wanita diserang penyakit, bukan sahaja membabitkan penyakit respiratori, barah dan jantung, tetapi mereka juga berisiko mengalami masalah kesuburan serta semasa mengandung dan melahirkan anak perokok wanita juga berisiko tinggi mendapat keguguran, bayi tidak cukup bulan dan bayi meninggal dalam rahim. Didapati statistik kematian akibat merokok dalam kalangan wanita mengatasi jumlah kematian yang disebabkan AIDS, batuk kering (tuberculosis), kematian ibu bersalin, kemalangan jalan raya, bunuh diri dan pembunuhan seandainya dicampurkan sekali (Utusan Malaysia, 2010).

Sebagai rakan kongsi sama ada di rumah mahupun di pejabat, serta peranan yang besar sebagai pembentuk generasi, wanita perlu berada dalam keadaan yang stabil, baik dari segi fizikal mahupun mental. Justeru, perkara yang boleh menjejaskan prestasi dan produktiviti mereka hendaklah ditangani dengan segera. Untuk mencapai tahap kesihatan yang optima, wanita perlu bertanggungjawab ke atas tubuh badan mereka, mendapatkan pendidikan dan membuat keputusan terbaik mengenai kesihatan mereka. Berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia, masalah kesihatan wanita yang berkaitan dengan rokok telah mencapai tahap wabak yang memerlukan perhatian yang mendalam bukan sahaja daripada pihak kerajaan malahan semua pihak (Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2004).

Jumlah perokok wanita di negara ini meningkat hampir 100 peratus iaitu daripada empat peratus pada 1999 kepada lapan peratus pada 2004 yang

membabitkan hampir 480,000 perokok baru. Data di jadual 2 menunjukkan unjuran jumlah perokok wanita berusia 15 tahun ke atas dijangka meningkat dengan agak ketara dalam jangka masa 15 tahun dengan jumlah peratusan peningkatan daripada 66 peratus pada tahun 2000 kepada 76 peratus. Lebih membimbangkan ialah perokok wanita dewasa diunjurkan akan meliputi 10 peratus daripada jumlah perokok di Malaysia menjelang tahun 2025.

**Jadual 2 : Anggaran Jumlah Perokok dalam Jangka Masa 25 Tahun**

2000	2025	
Populasi	22 juta	30 juta
15 tahun ke bawah	7.5 juta (34%)	7.2 juta (24%)
15 tahun ke atas	14.5 juta (66%)	22.8 juta (76%)
Perokok dewasa sedia ada		
Perokok lelaki	49%	30%
Perokok wanita	4%	10%
Keseluruhan	25%	20%
Jumlah perokok dewasa	3.6 juta	4.6 juta

**Sumber:** *Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2004)*

Kementerian Kesihatan mendedahkan 24 peratus daripada 3.1 juta perokok tegar dalam kalangan rakyat Malaysia adalah remaja termasuk pelajar sekolah rendah manakala bilangan remaja perempuan yang merokok juga semakin bertambah. Hasil daripada kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan (2004), daripada tahun 2000 hingga 2004, menunjukkan bilangan remaja perempuan yang merokok telah bertambah dari empat peratus hingga ke lapan peratus. Secara keseluruhannya, kajian dalam tahun 2004 mendapati bahawa hampir seorang daripada lima orang remaja adalah perokok (Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2004). Manakala data dari 151 buah negara menunjukkan bahawa tujuh peratus daripada remaja perempuan merokok dan angka itu tidak jauh daripada peratus remaja lelaki iaitu dua belas peratus (WHO, 2010). Peningkatan sebegini bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan sebaliknya perlu dikecilkan peratusannya.

Kajian-kajian morbiditi ini jelas menunjukkan bahawa satu pendekatan bersepadu diperlukan bagi memastikan perokok dalam kalangan wanita di Malaysia dikawal, dan seterusnya dicegah bagi memastikan pembangunan generasi muda yang produktif.

## TABIAT MEROKOK

Tabiat merokok sudah menjadi satu wabak di negara kita sehingga melibatkan ketagihan. Mengikut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan (2004), satu perempat (24.8 peratus) daripada orang dewasa di negara ini adalah perokok dan secara puratanya sebanyak 13.3 batang rokok dihisap setiap hari oleh setiap perokok dewasa. Prevalens merokok adalah jauh lebih tinggi dalam kalangan kaum wanita (3.5 peratus) dan pola merokok dalam kalangan wanita sedang meningkat dari tahun ke tahun. Jumlah perokok wanita dan remaja perempuan meningkat 3.9 peratus pada 2006 berbanding peningkatan 3.3 peratus pada 2005 apabila lebih ramai golongan itu melihat tabiat yang menjejaskan kesihatan itu sebagai satu lambang prestij (Utusan Malaysia, 2003). Dr Zarihan Zain Pengarah Unit Tembakau dan Kanser di Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan bahawa kebanyakan wanita muda di Malaysia yang merokok percaya bahawa mereka akan dilihat setaraf dengan lelaki sekiranya mereka merokok. Pandangan-pandangan yang begini di samping beberapa pandangan positif yang dikaitkan dengan rokok seperti merokok boleh menguruskan badan perlu diperbetulkan. Justeru itu kajian yang meneroka profil, serta pola tingkah laku merokok dalam kalangan wanita bekerja adalah perlu bagi menangani isu ini dari terus berleluasa.

## METODOLOGI KAJIAN

### *Reka bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan kaedah survei untuk pengumpulan data. Soal selidik yang dijalankan secara 'self administered' ini akan mengumpulkan data yang merangkumi fakta demografi, tabiat, sejarah, faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu merokok serta perkara yang menghalang daripada berhenti merokok.

### *Lokasi Kajian*

Kajian dijalankan di sekitar Lembah Klang yang merangkumi kawasan-kawasan seperti Serdang, Putrajaya, Cyberjaya, Puchong, Damansara, Kuala Lumpur, Cheras, Gombak dan Bangi.

### *Survei*

Seramai 300 orang responden dipilih melalui persampelan bertujuan. Ciri-ciri responden adalah dalam kalangan wanita bekerja yang merokok di pelbagai sektor pekerjaan dan berusia 18 tahun ke atas. Oleh kerana kajian

ini memfokuskan kepada perokok wanita, maka kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan dan kaedah ‘snowballing’ untuk mendapatkan responden. Kajian ini adalah berbentuk kajian penerokaan dan tidak dapat digunakan untuk mewakili populasi wanita yang merokok secara keseluruhan. Namun begitu, ia dapat memberi gambaran tentang profil perokok wanita yang berkerjaya.

## DAPATAN KAJIAN

### *Maklumat demografi*

Jadual 3 menunjukkan maklumat demografi responden perokok wanita berkerjaya.

**Jadual 3: Taburan Latar Belakang Responden**

Angkubah	n	(%)
<b>Kaum</b>		
Melayu	176	58.7
Cina	96	32.0
India	15	5.0
Lain-lain	13	4.3
<b>Agama</b>		
Islam	175	58.3
Buddha	47	15.7
Kristian	71	23.7
Hindu	7	2.3
<b>Tempat tinggal asal</b>		
Bandar	250	83.3
Luar Bandar	50	16.7
<b>Status Perkahwinan</b>		
Bujang	236	78.7
Berkahwin	53	17.7
Janda	7	2.3
Balu	4	1.3

**Sumber:** *Tabiat merokok di kalangan wanita bekerja di Lembah Kelang*

Majoriti responden terdiri daripada wanita Melayu iaitu seramai 58.7 peratus, manakala Cina dan India masing-masing seramai 32 dan 5 peratus. Jumlah ini hampir mewakili peratusan jumlah kaum-kaum utama di Malaysia. Data ini bersesuaian dengan sifat ‘snowballing’ yang digunakan di mana kumpulan sasaran adalah terdiri daripada mereka yang mengenali antara satu sama lain. Kebanyakan responden adalah berasal dari bandar iaitu seramai

260 orang responden. Rata-rata responden adalah pekerja di sektor swasta iaitu seramai 251 orang yang berpendapatan di antara RM 1800 ke RM 2484. Manakala seramai 250 orang berasal dari bandar serta masih bujang (78.7%). Hampir separuh responden berusia dalam lingkungan 23-27 tahun. Tahap pendidikan responden kebanyakannya tinggi iaitu 47.3 peratus memiliki Ijazah.

***Pola merokok***

Jadual seterusnya menunjukkan pola merokok wanita bekerja di Lembah Klang.

**Jadual 4: Pola Merokok**

Angkubah	n	%
<b>1) Merokok setiap hari</b>	<b>197</b>	<b>65.7</b>
<b>2) Merokok bersama teman sekerja</b>	<b>180</b>	<b>60.0</b>
<b>3) Merokok secara berkumpulan</b>	<b>177</b>	<b>59.0</b>
4) Merokok di tempat awam	149	49.7
5) Mengunjungi pusat hiburan	100	33.3
6) Mengambil alkohol	34	11.3
7) Mengambil pil khayal/dadah	8	2.7

**Sumber:** Tabiat merokok di kalangan wanita bekerja di Lembah Klang

Pola merokok di Jadual 4 jelas menunjukkan bahawa 65.7 peratus perokok merokok setiap hari dan mereka juga terlibat dengan salah laku yang lain seperti mengambil alkohol 11.3 peratus dan juga pil khayal 2.7 peratus. Peratusan yang mengunjungi pusat-pusat hiburan juga agak tinggi iaitu seramai 100 orang (33.3%). Walaupun jumlah mereka yang terlibat dengan isu sosial yang lain tidak terlalu ramai, ianya merupakan tanda saran yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Perokok-perokok ini juga merokok bersama teman sekerja (60 %) serta merokok secara berkumpulan (59 %). Hampir 50 peratus daripada mereka tidak kisah merokok di tempat awam.

***Alasan merokok***

Jadual 5 menunjukkan alasan-alasan utama yang diberikan oleh responden untuk merokok dan faktor-faktor yang menghalang mereka daripada berhenti merokok.



**Jadual 5: Faktor-faktor Merokok dan Halangan daripada Berhenti Merokok**

Angkubah	n	%
<b>Alasan merokok</b>		
Bebanan kerja	46	15.3
Tekanan hidup	90	30.0
<b>Keseronokan</b>	<b>134</b>	<b>44.7</b>
<b>Ingin mencuba</b>	<b>170</b>	<b>56.7</b>
Mengikut rakan/pasangan	71	23.7
Lain-lain	15	5.0
<b>Halangan berhenti merokok</b>		
<b>Ketagihan</b>	<b>124</b>	<b>41.3</b>
Godaan luar	79	26.3
Badan lesu	61	20.3
<b>Tumpuan kerja terganggu</b>	<b>67</b>	<b>22.3</b>
<b>Produktiviti kerja terjejas</b>	<b>76</b>	<b>25.3</b>
Takut menjadi gemuk	82	27.3
<b>Kehilangan kawan</b>	<b>168</b>	<b>56.0</b>

*Sumber: Tabiat merokok di kalangan wanita bekerja di Lembah Kelang*

Hasil kajian menunjukkan alasan utama responden merokok adalah mereka ingin mencuba (56.7 %), serta merokok untuk keseronokan 44.7 peratus, di samping faktor-faktor yang lain seperti tekanan hidup dan faktor mengikut pasangan. Manakala faktor utama yang menghalang responden dari berhenti merokok adalah perasaan takut kehilangan kawan iaitu sebanyak 56 peratus dan juga mereka telah berada di tahap ketagih dengan jumlah seramai 124 orang iaitu 41.3 peratus daripada keseluruhan responden. Bagi faktor yang berkaitan kerja, lebih 20 peratus responden menyatakan bahawa sekiranya mereka berhenti merokok produktiviti serta tumpuan kerja mereka akan terjejas.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

Data kajian menunjukkan bahawa hampir 100 peratus responden yang terlibat dengan kajian ini terdiri daripada kalangan belia. Dari segi perkembangan manusia, lingkungan umur 18 hingga 38 tahun merupakan waktu yang paling aktif dan produktif bagi wanita, walau bagaimanapun wanita-wanita ini telah pun terlibat dengan tingkah laku merokok malah ada antara mereka ketagih dengan rokok (41.3%). Walaupun kebanyakan responden percaya dengan merokok mereka dapat melahirkan idea-idea ataupun kerja yang lebih

produktif, kesan negatif daripada merokok sebenarnya melebihi produktiviti yang dijangkakan. Wanita-wanita ini berisiko untuk mengalami putus haid awal, kelewatan hamil, berpotensi untuk mandul, melahirkan bayi pramatang, keguguran termasuk tumbesaran janin akan terencat, mengalami masalah saluran pernafasan kronik dan penyakit jantung. Selain itu, perokok wanita juga berkemungkinan akan mendapat kanser paru-paru, tekak, pundi kencing, payu dara serta kanser servik. (Thomas, 2008)

Pola wanita merokok yang menjurus kepada perlakuan secara berkumpulan menjelaskan bahawa tingkah laku ini berkaitan dengan pengaruh kawan. Dalam konteks kajian ini rakan-rakan sekerja yang merokok dijadikan contoh untuk ditiru tingkah laku mereka. Tingkah laku ini akan diperkukuhkan sekiranya rakan yang merokok juga berjaya dalam kerjaya mereka. Ini selaras dengan teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura (1963) yang menyatakan bahawa manusia belajar dari persekitaran mereka dan meniru tingkah laku yang dirasakan memberi manfaat kepada mereka. Ini dibuktikan oleh Westman M., Eden D. Dan Shirom A., 1985 yang menunjukkan rakan sekerja yang merokok juga menjadi penyumbang kepada tingkah laku merokok serta menyebabkan kesukaran bagi individu untuk berhenti merokok. Rasa ingin berdamping serta tidak mahu dipinggirkan daripada kumpulan juga merupakan penyebab kepada tingkah laku ini. Menurut Taifel dan Turner (1979) dalam menjelaskan tingkah laku ini, seseorang individu dapat mendefinisikan identitinya melalui keahlian dalam kelompok. Biasanya ahli-ahli dalam kumpulan ini mempunyai nilai, minat serta latar belakang sosial yang lebih kurang sama, bagi kajian ini majoriti daripada responden berasal daripada bandar, masih bujang dan mempunyai pendidikan yang setara.

Faktor-faktor yang menyebabkan responden merokok menunjukkan bahawa gaya hidup serta cara berfikir wanita muda ini banyak dipengaruhi oleh kehidupan yang berteraskan konsep hedonistik. Corak kehidupan sebegini mengarah kepada keinginan untuk berseronok serta ingin mencuba tanpa memikirkan risiko perbuatan tersebut. Alasan yang diberikan responden bahawa mereka akan kehilangan kawan (56%) sekiranya berhenti merokok juga menunjukkan bahawa mereka mudah dipengaruhi serta mempunyai sendiri yang rapuh. Sebanyak 47.6 peratus daripada responden juga percaya sekiranya mereka berhenti merokok tumpuan serta produktiviti mereka akan terganggu. Ini merupakan tanda yang jelas bahawa wanita ini tidak berkeyakinan dengan potensi yang ada kerana mengaitkan rokok dengan produktiviti kerja mereka.

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan dirasakan perlu diambil oleh pihak kerajaan antaranya ialah menggariskan dasar yang lebih tegas berkaitan perokok dan tabiat merokok serta diaplikasikan secara berkesan terutama sekali di tempat kerja, mendidik remaja wanita dengan nilai serta

jati diri yang kental bermula di peringkat sekolah rendah lagi. Ini bertujuan bagi menjamin golongan muda daripada terpedaya dengan dakyah-dakyah yang dibawa oleh pihak yang berkepentingan seperti mereka yang terlibat dalam industri rokok. Usaha murni ini juga memerlukan penglibatan pihak NGO dari pelbagai etnik bekerjasama bagi mencegah tabiat merokok daripada terus berleluasa ini kerana data menunjukkan tabiat merokok dalam kalangan wanita yang bekerja melibatkan pelbagai kaum termasuk golongan minoriti.

Apa yang pasti tindakan yang proaktif, efektif dan holistik perlu dilaksanakan di semua peringkat kerana hampir separuh sumber tenaga buruh di negara ini terdiri dari wanita (Rancangan Malaysia ke-10). Sekiranya aset kerajaan ini melibatkan diri dalam gejala yang kurang sihat seperti merokok serta tingkah laku serong yang berkaitan seperti mengambil alkohol dan dadah, ini secara tidak langsung akan mengganggu produktiviti negara. Apatah lagi wanita ini juga merupakan penyumbang kepada pembinaan generasi muda yang akan menjadi tonggak masa depan negara.

### **BIBLIOGRAFI**

- Bandura, A., and walters, R.H. 1963. Social learning and Personality development. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Barton, C. 2010. Tobacco firms take aim at Bangladeshi, Asian women. 24 April 2010, AFP.
- Berita Harian, Kementerian rangka strategi kawal iklan rokok. Khamis - 16 November 2000.
- Berita Harian. Perokok Punca Penjaja Jalanan. 7 Januari 2003.
- Zarihan Zain. Dr., Women Smoke to Assert Their Equality. Dimuat turun pada 14 Mei 2011. <http://thestar.com.my/news/story.asp>
- Estimated Number of Adult Cigarette Smokers & Cigarette Consumption West Virginia. 1990-1999. <http://www.wvdhhr.org/bph/oehp/hsc/briefs/three/#number>.
- Haslinda, A., Ma'rof, R dan Nobaya, A. 2007. Tabiat merokok di kalangan wanita bekerja di Lembah Kelang. Kajian RUGS 06/01/07/0253RU.
- Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan, Laporan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia. 2004.

- Mohd Fadzil Che Din, Prof Madya Dr. 2007. Ramai Ketagih merokok kerana Prestij. <http://www.bharian.com.my>. 23 Mei 2007.
- Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10). Dimuat turun pada 14 April 2011. [http://www.pmo.gov.my/?menu=speech&news\\_id=295&page=1676&speech\\_cat=2](http://www.pmo.gov.my/?menu=speech&news_id=295&page=1676&speech_cat=2)
- Sufean Hussin, Lai Chin Chin, Mohd Firdaus Hussin, Abdul Rahim Abd Rashid. 2004. "Merokok Di Kalangan Remaja Malaysia". Shah Alam. Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Smoking History. 2007. <http://www.webspawner.com>
- Taifel, H dan Turner, J. 1979. An Intergrative Theory of Intergroup Conflict. Dalam The Social Psychology of Intergroup Relations. Austin, W.G., dan Worchel, S. Monterey Ca: Brooks/Cole.
- Thomas P. O'Neill. 2008. The Health Consequences Of Smoking For Women. A report of the Surgeon Genera/US department.
- Utusan Malaysia. 2003. Bilangan wanita merokok meningkat. 21 Oktober 2003.
- Utusan Malaysia. 2010. Perokok wanita meningkat. 4 Jun 2010.
- Westman M., Eden D. & Shirom A. 1985. Job stress, cigarette smoking and cessation: the conditioning effects of peer support. *Social Science Med.* 20 (6), 637-644.
- World Health Organization. Dimuat turun pada 14 April 2011 <http://www.who.int/whosis/whostat/2010/en/>.
- Zainal Ariffin Omar. 2007. Remaja Ketagih Rokok Kian Membimbangkan. <http://www.bharian.com.my>. 21 Mei 2007.

***Profil Penulis***

*Haslinda Abdullah, PhD*  
*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM Serdang, Selangor*  
*lynn@putra.upm.edu.my*

*Ma'rof Redzuan, PhD*  
*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM Serdang, Selangor*  
*marof@putra.upm.edu.my*

*Nobaya Ahmad, PhD*  
*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM Serdang, Selangor*  
*nobaya@putra.upm.edu.my*